



ANM.PHG.600-15/2/85 JLD.4 (21)

Tarikh : 21 Julai 2026

**SEMUA PEMEGANG PANJAR, PTJ DI BAWAH SELIAAN
JANM NEGERI PAHANG**

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**TINDAKAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT KUASA TETAP (BORANG AK52)
PENGENDALIAN PANJAR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada **SPANM Bil. 4 Tahun 2024 - Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah Kawalannya (AP11)** dan **SPANM Bil. 3 Tahun 2026 - Tatacara Pengurusan Panjar**

2. Melalui semakan pihak kami, mendapati terdapat beberapa pertukaran pegawai dalam mengendalikan akaun Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas di PTJ tetapi tidak diambil tindakan pengemaskinian AK52 dan juga capaian pengguna pegawai terlibat.

3. Berikut di antara perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh PTJ bagi memastikan kawalan dalaman di PTJ lebih teratur, seperti **Lampiran B, Garis Panduan Pengurusan Panjar, merujuk Para 2.15 Pertukaran Pegawai yang mengendalikan panjar, SPANM Bil. 3 Tahun 2026.**

2.15.1 Sekiranya berlaku pertukaran pegawai, Pemegang Panjar bertanggungjawab memastikan proses pertukaran dilaksanakan dengan teratur seperti berikut:

- (1) Mengemaskini Kuasa Tetap dan mengemukakan permohonan untuk kelulusan dengan kadar **SEGERA**.
- (2) Memastikan baki Panjar terutama tunai di tangan diserahkan oleh pegawai yang menyerah tugas kepada pegawai yang menerima Panjar adalah tepat dan betul.

2.15.2 Selaras dengan AP113(e), apabila berlaku pertukaran pegawai yang mengendalikan Panjar, Penyata Penyerahan Panjar yang menunjukkan kedudukan pada masa penyerahan tugas hendaklah disediakan, ditandatangani oleh kedua-dua pegawai yang menyerah tugas dan yang mengambil alih tugas dan dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan untuk tujuan pemantauan.

2.15.3 Format dan panduan menyediakan Penyata Penyerahan Panjar adalah seperti di **Lampiran B4**.

Tarikh : 21 Julai 2026

4. Oleh yang demikian, PTJ yang terlibat diingatkan untuk membuat pengemaskinian dokumen dari semasa ke semasa selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

Sekian terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A(M), CPA(AUST))
Ketua Penolong Pengarah
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang